

# Qisas: Hak Dan Tanggungjawab Melaksanakannya

Profesor Madya Dr. Mahfodz Mohamed

## Abstract

*The article discusses *Qisas* as sentences for the offences of manslaughter and harm; and individual's right in claiming the application of the sentence for the offences for in Islam such a claim is considered a private right.*

## Definisi Qisas

*Qisas* adalah perkataan bahasa Arab dari kata perbuatan "qassa". Dari segi bahasa ianya mempunyai beberapa makna.<sup>1</sup> Antaranya ialah "mengikut", seperti dalam surah al-Qasas, ayat 11 "وَقَاتَ لَأَنْتَ قَسَّيْ" dan ibu Musa berkata kepada saudara perempuan Musa, ikutilah dia". Selain dari itu ianya juga boleh diertikan sebagai memotong, seperti dalam ayat "قص الشعر" "dia memotong rambut". Ia juga boleh diertikan sebagai "menceritakan", seperti dalam ayat<sup>2</sup> "قص عليه الأخبار" "Dia menceritakan khabar kepadanya". Malah juga *qisas* boleh membawa makna "persamaan".

Dari segi istilah syarak pula *qisas* adalah satu jenis hukuman hudud, iaitu suatu

hukuman yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak melalui nas-nas al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dalam kes-kes yang melibatkan hak anak Adam atau hak individu seperti kesalahan membunuh dan mencederakan anggota tubuh badan.

Jika dikaitkan di antara makna-makna *qisas* dalam pengertian bahasanya dengan pengertian *qisas* dalam istilah hukum syarak, maka *qisas* bererti mengikut dan menyamai adalah yang paling dekat kepada pengertian syarak. Ini kerana orang yang melakukan jenayah bunuh atau mencederakan anggota tubuh badan akan dikenakan hukuman yang menyamai dengan jenayah yang telah dilakukan.

### Hak Tuntutan *Qisas*

Jenayah *qisas* adalah kesalahan yang melibatkan *hak al-adami* atau hak perseorangan. Ini bererti bahawa mangsa jenayah - dalam kes-kes mencederakan anggota badan atau warisnya - dalam kes pembunuhan - berhak menuntut hukuman *qisas* ke atas penjenayah berkenaan ataupun mengampunkannya. Oleh itu jika seseorang itu dibunuh maka orang yang berhak menuntut hukuman *qisas* ke atas pembunuhan itu ialah *wali al-dam*, berdasarkan kepada firman Allah s.w.t. dalam surah *al-Isra'* ayat 33 yang bermaksud:

*"Sesiapa yang mati terbunuh secara zalim maka Kami (Allah) jadikan bagi walinya kuasa (menuntut balasan qisas), tetapi tidak boleh melebihi batasnya".*

### Siapakah Wali Al-Dam

Ulama tidak sepandapat mengenai *wali al-dam* yang berhak menuntut *qisas*. Imam-imam Abu Hanifah, al-Shafi'i dan Ahmad bin Hanbal berpendapat, wali yang berhak menuntut *qisas* ialah semua waris yang menerima bahagian harta pesaka si mati, sama ada lelaki atau perempuan, tua maupun muda.<sup>3</sup>

Daud al-Zahiri pula berpendapat bahawa semua keluarga mangsa jenayah bunuh berhak menuntut hukuman *qisas*, sama ada yang dapat menerima bahagian pesaka si mati atau tidak.<sup>4</sup> Manakala Imam Malik pula berpendapat bahawa *wali al-dam* yang berhak menuntut *qisas* ialah mereka yang menerima bahagian 'asabah dari kalangan orang lelaki sahaja, seperti anak, cucu, bapa dan datuk sahaja.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun 'asabah dari kalangan wanita, berhak menuntut *qisas* jika mempunyai syarat-syarat berikut. Pertama, jika wanita itu waris kepada si mati, seperti anak perempuannya atau saudara perempuan seibu sebapa. Kedua, jika tidak ada 'asabah lelaki yang setaraf dengannya seperti anak lelaki atau ada 'asabah lelaki tetapi lebih rendah kedudukannya seperti bapa saudara dengan anak perempuan. Ketiga, jika wanita berkenaan akan menjadi 'asabah jika ada waris lelaki bersama-sama dengannya.

Setelah meneliti pendapat-pendapat di atas, kita berpendapat bahawa *wali al-dam* yang berhak menuntut hukuman *qisas* ke atas penjenayah bunuh ialah semua ahli waris, sama ada 'asabah atau tidak, termasuk suami, dan isteri kerana waris-waris itu semuanya berhak menuntut hukuman *diyat*. Kalau *diyat* sebagai hukuman ganti

kepada *qisas* yang berhak menuntutnya adalah semua waris, maka tentulah lebih rasional bahawa orang yang berhak menuntut *diyat* itulah juga yang berhak menuntut hukuman *qisas*.<sup>6</sup>

### **Mangsa Jenayah Yang Tidak Berwali**

Apa yang telah dibincangkan di atas ialah mengenai mangsa jenayah bunuh yang mempunyai wali nasab. Manakala mangsa jenayah bunuh yang tidak mempunyai wali nasab, maka pemerintahlah yang berhak menuntut *qisas*, berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.'a.w. "السلطان على من لا ولد له" <sup>7</sup>, maksudnya: "Sultan itu menjadi wali bagi sesiapa yang tidak ada wali". Akan tetapi Imam Ibn Yusuf berpendapat bahawa sultan (pemerintah) tidak ada kuasa untuk menjalankan hukuman *qisas* ke atas pembunuhan, jika mangsa seorang penduduk negara Islam. Sebaliknya sultan hanya boleh menuntut hukuman *diyat*. Tetapi jika mangsa jenayah itu seorang penduduk negara bukan Islam (*Dar al-Harb*) maka bolehlah sultan melaksanakan hukuman *qisas* dan *diyat* ke atas penjenayah yang membunuh mangsa yang tidak mempunyai wali nasab. Alasan Abu Yusuf ialah kerana mangsa berkenaan yang berada di negara Islam biasanya mempunyai wali, cuma mungkin tidak dapat dikesan di mana wali itu bérada. Berbanding dengan orang kafir yang masuk ke negara Islam dan memeluk Islam yang pada lahirnya tidak mempunyai wali nasab, maka sultanlah yang menjadi wali untuk menuntut *qisas* ke atas penjenayah berkenaan.<sup>8</sup>

### **Syarat-syarat Wali**

Pertama, wali yang berhak menuntut *qisas* itu hendaklah terdiri dari mereka yang sudah boleh memikul tanggungjawab seperti baligh dan berakal. Ini kerana di antara tujuan disyariatkan *qisas* ialah untuk menghilangkan kemarahan wali ke atas penjenayah. Hal ini tidak akan berhasil jika *qisas* itu tidak ditunaikan oleh *wali al-dam* itu sendiri.<sup>9</sup>

Kedua, waris-waris yang berhak menuntut *qisas* itu semuanya bersetuju di atas tuntutannya. Ini bermakna jika ada di antara waris-waris itu tidak bersetuju, ianya tidak boleh dijalankan kerana *qisas* adalah hak semua waris-waris berkenaan.

Ketiga, semua waris-waris itu hendaklah hadir ketika hukuman dijalankan. Akan tetapi jika ada yang tidak dapat hadir itu menghantar wakilnya maka menurut kebanyakan ulama,<sup>10</sup> *qisas* boleh dijalankan, kerana tidak ada nas al-Quran dan al-Sunnah yang menyebutkan kehadiran waris berkenaan. Selain dari itu syarat kehadiran orang yang berwakil itu tidak menepati dengan kaedah umum berkenaan dengan hukum *wakalah* yang memberi mandat kepada wakilnya untuk bertindak dalam urusan yang diwakilkan kepadanya walaupun kehadiran orang yang diwakilkan.

Keempat, setengah ulama mensyaratkan kehadiran pemimpin negara atau wakilnya ketika hukuman *qisas* itu dijalankan. Akan tetapi menurut satu riwayat bahawa Nabi Muhammad s.'a.w. hanya menyuruh *wali al-dam* pergi bersama-sama dengan penjenayah<sup>11</sup> bagi menjalankan hukuman *qisas*, sedangkan Nabi sendiri tidak

pergi bersama dan tidak mewakilkan orang lain untuk menghadirinya. Lebih-lebih lagi *qisas* adalah hukuman yang telah diputuskan Hakim. Oleh itu memadailah untuk dijalankan oleh *wali al-dam* atau orang yang ditugaskan khas untuknya tanpa kehadiran ketua negara atau naibnya. Andainya ketua negara diperlukan hadir setiap kali hukuman *qisas* dijalankan, sudah tentu boleh menganggu tugas-tugas ketua negara yang sangat sibuk dalam menguruskan pentadbiran negaranya.

### Hak Pengampunan

Ulama tidak sependapat mengenai orang yang berhak memberi pengampunan. Menurut Imam Abu Hanifah, al-Syafi'i dan satu riwayat dari Imam Ahmad, orang yang berhak menuntut *qisas*<sup>12</sup> itulah juga yang berhak mengampunkan iaitu semua waris, sama ada lelaki atau perempuan dan sama ada mereka menerima pesaka melalui pembahagian pesaka atau '*asabah*'<sup>13</sup> berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.<sup>14</sup>

"**وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتْلَ فَأَهْلُهُ بَيْنَ خَيْرَتَيْنِ**". Maksudnya: "Barangsiapa yang (waris) baginya dibunuh maka ahlinya diberi pilihan antara dua". Perkataan "Ahl" yang disebutkan dalam hadith di atas adalah umum, sama ada lelaki atau perempuan.

Bagi juga menurut satu riwayat, ada seorang lelaki yang membunuh dengan sengaja, tetapi sebahagian wali kepada mangsa bunuh itu memaafkan penjenayah. Apabila kes itu dikemukakan kepada Sayyidina 'Umar yang menjadi khalifah pada masa itu, dia pun bertanya kepada Ibn Mas'ud. Ibn Mas'ud menjawab:

"**إِذَا عَفَى بَعْضُ الْأُولِيَاءِ فَلَا تَعْدُ**"<sup>15</sup>. Ertinya: "Jika sebahagian wali memaafkan penjenayah maka tidak wajib *qisas* ke atasnya". Sayyidina 'Umar menyetujui pendapat Ibn Mas'ud di atas. Dalam riwayat ini Ibn Mas'ud tidak membezakan antara setengah wali dengan wali yang lain. Oleh itu hak memberi mengampun adalah semua wali waris.

Begitu juga menurut satu riwayat bahawa seorang pembunuh telah di bawa ke hadapan 'Umar r.a. Tiba-tiba wali-wali mangsa bunuh datang ke situ untuk membunuh si pembunuh. Lalu saudara perempuan kepada pembunuh yang juga isteri mangsa bunuh berkata: "Aku ampunkan bahagianku dari (orang yang membunuh) suamiku". 'Umar r.a. telah menerima pengampunan dari isteri mangsa sebagai alasan yang menggugurkan hukuman *qisas*.<sup>16</sup>

Selain dari itu jika tiap-tiap ahli waris boleh memiliki hak pengampunan dari bahagian *diyat* dalam kes membunuh secara tersalah atau tidak sengaja, maka lebih baik lagi dalam kes membunuh dengan sengaja sepatutnya semua waris berhak memberi pengampunan kepada penjenayah.<sup>17</sup>

Manakala menurut Imam Malik dan satu riwayat dari Imam Ahmad menyatakan bahawa hak pengampunan hanya diberi kepada ahli '*asabah* yang lelaki dan tidak kepada ahli '*asabah* wanita.<sup>18</sup> Ini kerana pada pandangan mereka kaum wanita dalam banyak perkara tidak mempunyai kekuasaan (wilayah) seperti dalam urusan perkahwinan dan kehakiman. Maka mereka juga tidak mempunyai kuasa pengampunan dalam masalah *qisas*. Selain dari itu hak menuntut *qisas* diberikan kepada *wali al-dam* kerana mereka mempunyai daya pertolongan dan bantuan, sedangkan kaum wanita

bukan dari jenis yang boleh memberi bantuan dan pertolongan. Oleh itu maka menasabalah kaum wanita tidak ada hak untuk mengampunkan penjenayah.<sup>19</sup>

Setelah meneliti pendapat-pendapat di atas, maka pendapat kebanyakan ulama adalah lebih menasabah kerana alasan-alasan yang diberikan lebih kuat, lebih-lebih lagi kerana tidak ada dalil yang kuat yang mengecualikan sebahagian ahli waris dari memiliki hak pengampunan. Malahan banyak ayat-ayat al-Quran yang menyarankan supaya memberi kemaafan kepada penjenayah.

### Pengampunan Dari Pemerintah

Apa yang telah dibincangkan di atas ialah mengenai pengampunan kepada penjenayah dari waris mangsa bunuh yang mempunyai waliali atau waris. Bagi mangsa bunuh yang tidak mempunyai wali lagi maka siapakah yang berhak menuntut haknya kepada penjenayah.

Semua ulama sepakat bahawa jika mangsa bunuh itu tidak mempunyai waris yang menuntut *qisas* maka sultan atau pemerintah yang menjadi walinya dan berhak menuntut hukuman *qisas* berdasarkan kepada sabda Nabi s.a.w. “**السلطان على من لا ول له**”<sup>20</sup> Ertinya: “Sultan menjadi wali bagi orang yang tidak ada wali”. Ini kerana kuasa pemerintah adalah menyeluruh termasuk perkara berkaitan dengan *qisas* sebagai kekuasaan yang khas. Oleh itu jika mangsa pembunuhan itu tidak diketahui ibu bapanya dan kaum kerabatnya maka pemerintah (*wali al-amr*) yang berhak untuk menuntut hukuman *qisas* terhadap pembunuhrinya.

Ada sedikit perselisihan ulama mengenai kuasa pengampunan sultan atau *wali al-amr* terhadap *qisas* atau *diyat*. Ulama mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali berpendapat bahawa terpulang kepada *wali al-amr* sama ada hendak mengampunkan hukuman *qisas* terus ataupun mengampunkan hukuman *qisas* dengan digantikan kepada hukuman *diyat*.<sup>21</sup> Manakala ulama mazhab Maliki dan setengah mazhab Hanbali berpendapat bahawa sultan hanya berhak untuk mengampunkan hukuman *qisas* dan tidak berhak untuk mengampunkan yang lain daripadanya, sama ada hukuman berupa harta atau bukan, kerana jika sultan diberi kuasa untuk mengampunkan apajuga hukuman maka ini akan memberi galakan untuk membunuh orang yang tidak ada waris dan hal ini adalah bertentangan dengan tujuan disyariatkan *qisas*. Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa Sultan itu diberi hak mengampunkan seperti mana yang dipunyai oleh wali, iaitu dia boleh mengampunkan kepada penjenayah apa juga hukuman, sama ada *qisas*, *diyat* atau lain-lain hukuman.<sup>22</sup>

Walau bagaimanapun pendapat kebanyakan ulama adalah yang paling tepat kerana Sultan dalam kes *qisas* adalah mengambil tempat *wali al-dam*. Mengikut kebiasaannya sesiapa yang menggantikan tempat seseorang maka dia berhak seperti mana hak orang yang digantikannya. Cuma Sultan tidak berhak untuk mengampunkan semua hukuman kerana jika demikian akan menghapuskan kepentingan umat musliman. Hal ini berbeza dengan kedudukan *wali al-dam* yang boleh mengampun apa juga hukuman kerana adanya kebaikan dari pengampunan itu iaitu untuk mengharapkan balasan pahala di akhirat.

## Siapakah Yang Melaksanakan Hukuman Bunuh

Menurut jumhur ulama, jika wali yang berhak menuntut *qisas* itu seorang sahaja dan sudah baligh serta dapat melaksanakan hukuman *qisas* dengan baik, maka wali kepada mangsa bunuh itu (*wali al-dam*) boleh melaksanakan sendiri hukuman *qisas* bunuh tanpa bantuan orang lain berdasarkan firman Allah Ta‘ala:

**وَمَنْ قَتَلَ مُظْلِومًا فَقَدْ جَعَلَ لَوْلَيْهِ سُلْطَانًا نَّلَا يَسْرُفُ فِي الْقَتْلِ**

Maksudnya: “*Dan barangsiapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli warisnya itu melampaui batas dalam membunuh*”.

(al-Isra’: 33)

Dan hadis Nabi s.a.w.:

**وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتْلَيْ فَأَهْلُهُ بَيْنَ خَيْرَتَيْنِ أَنْ أَحْبَرُوا قُتْلَوْا  
وَأَنْ أَحْبَرُوا أَخْذُوا الدِّيَةَ**

Maksudnya: “*Barangsiapa ada di antara keluarganya kena bunuh maka ahli keluarga diberi dua pilihan, jika mereka mahu mereka boleh membunuh penjenayahnya dan jika mereka mahu boleh mengambil bayaran diyat.*

Akan tetapi jika wali itu tidak mampu atau tidak dapat menjalankan hukuman itu dengan baik, tidak harus beliau melakukannya kerana ditakuti akan mendatangkan bahaya kepada orang yang dihukum.<sup>24</sup> Sebaliknya *wali al-dam* itu hendaklah mewakilkan kepada orang lain untuk melaksanakannya. Jika wali itu masih kanak-kanak atau gila maka menurut mazhab Shafi’i dan Hanbali hendaklah ditunggu sehingga wali itu dewasa dan sembuh dari gila. Manakala Imam Malik berpendapat bahawa *wali al-dam* yang masih kanak-kanak atau yang gila boleh mewakilkan kepada orang lain untuk melaksanakan hukuman *qisas* tanpa menunggu wali itu dewasa atau sembuh dari penyakitnya. Imam Abu Hanifah pula berpendapat bahawa bapa atau datuk kepada wali yang masih kanak-kanak atau tidak siuman boleh melaksanakan hukuman bunuh sebagai wakil kepada wali yang masih kecil dan tidak siuman.<sup>25</sup>

Adapun jika *wali al-dam* itu ramai maka harus bagi setiap orang daripada mereka itu menunaikan hukuman *qisas* menurut pendapat Imam Hanafi. Manakala Imam Shafi’i dan Hanbali pula berpendapat bahawa wali yang ramai itu boleh mewakilkan kepada salah seorang daripada mereka atau seorang lain untuk menunaikan hukuman tersebut. Akan tetapi jika mereka tidak sepakat untuk melantik seorang bagi melaksanakan hukuman tersebut, sedangkan mereka semua mampu untuk

melaksanakannya maka hendaklah dipilih di antara mereka dengan cara undi dan siapa yang mendapat undi tersebut dia adalah yang akan melaksanakan hukuman tersebut.<sup>26</sup>

Pada dasarnya wali-wali kepada mangsa jenayah bunuh yang berhak untuk melaksanakan hukuman bunuh *qisas* kepada penjenayah, jika mereka dapat menjalankan hukuman itu dengan baik dan bukan pemerintah yang menjalankan hukuman bunuh berdasarkan kepada firman Allah:

**وَمَنْ قُتِلَ مُظْلِمًا فَقَدْ جَعَلَنَا لَوْلَيْهِ سَلَطَانًا**

dan hadis:

**وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتْلَ فَأَهْلَهُ بَيْنَ خَيْرَتَيْنِ**

sepertimana yang telah dijelaskan di atas.

Sungguhpun demikian jika diteliti dalil-dalil yang menjadi alasan sebagai hak *wali al-dam* adalah tidak *qat'i* (final) sifatnya kerana ayat al-Quran di atas bukan memberi hak kepada wali untuk menunaikan hukuman, tetapi hanya sekadar memberi hak untuk menuntut supaya penjenayah berkenaan dihukum *qisas*. Begitu juga dengan hadis "وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتْلَ فَأَهْلَهُ بَيْنَ خَيْرَتَيْنِ" hanyalah memberi hak kepada *wali al-dam* untuk memilih sama ada untuk menuntut hukuman *qisas* atau hukuman *diyat* dan bukannya memberi hak untuk menunaikan hukuman tersebut.

Selain dari itu hadis yang menyatakan bahawa Nabi ada menyerahkan seorang pembunuhan kepada wali mangsa jenayah bunuh, kemungkinan hadis itu menjelaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. menyerahkan pembunuhan itu kepada wali mangsa bunuh supaya wali itu melaksanakan hukuman bunuh sebagai menunaikan perintah Nabi dan juga wakil Nabi Muhammad s.'a.w. menjalankan hukuman tersebut. Hal ini dikuatkan lagi dengan sebuah hadis yang menceritakan bagaimana seorang Yahudi yang telah mengaku melakukan pembunuhan ke atas seorang hamba perempuan tidak diserahkan kepada wali mangsa bunuh. Sebaliknya Nabi s.a.w. telah menyuruh supaya Yahudi itu dihukum *qisas*.<sup>27</sup> Oleh itu adalah jelas bahawa yang wajib menjalankan hukuman *qisas* bukan wali-wali mangsa jenayah kerana mereka hanya diberi hak untuk menuntut supaya hukuman *qisas* itu dijalankan kepada penjenayah-penjenayah berkenaan.

Jika bukan *wali al-dam* yang menunaikan hukuman bunuh, siapakah yang wajib menjalankan hukuman *qisas*. Sebagaimana maklum, *qisas* adalah termasuk dalam Undang-undang Awam atau dikenali sebagai *Public Law*. Oleh yang demikian maka yang menjalankan hukuman tersebut mestilah *wali al-amr*, iaitu pemerintah Islam kerana di antara tugas pemerintah ialah untuk menjalankan undang-undang Islam. Akan tetapi *wali al-amr* boleh mewakilkan kepada orang lain atau kepada *wali al-dam* untuk menjalankan hukuman tersebut.

Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya ada menyebutkan bahawa tidak ada perselisihan ulama bahawa *qisas* tidak boleh dijalankan melainkan oleh *wali al-amr*, pemerintah Islam yang difardukan ke atasnya untuk melaksanakan undang-undang

*qisas, hudud, ta'zir* dan sebagainya.

Walaupun perintah kewajipan *qisas* itu ditujukan kepada orang yang beriman sebagaimana firmanNya:

**يَا إِلَيْهِ الَّذِينَ أَمْنَوْا كُتُبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ**

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu qisas*”.

Tetapi adalah tidak menasabah sama sekali jika semua orang yang beriman ditugaskan untuk menjalankan hukuman *qisas*. Apa yang sebenarnya tugas melaksanakan hukuman tersebut adalah terletak di bahu pemerintah sebagai mewakili *wali al-dam* atau orang-orang yang beriman. Selain dari itu telah dipersetujui ulama bahawa tidak boleh bagi seorang itu menjalankan hukuman *qisas* ke atas seorang lain kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pemerintah. Dan tidak ada kuasa bagi manusia untuk menghukum *qisas* kecuali pemerintah atau orang yang telah dilantik sultan.<sup>28</sup>

Oleh yang demikian jika *wali al-dam* sendiri yang menunaikan hukuman *qisas* kepada pembunuhan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada pemerintah, maka *wali al-dam* itu boleh dihukum *ta'zir* kerana ianya telah melanggar peraturan negara yang menetapkan bahawa hanya pemerintah yang berkuasa untuk menjalankan hukuman *qisas* dan bukannya sebagai hak individu.

**Nota Kaki**

1. Al-Jassas, *Ahkam al-Quran*, Vol. 1, hh.155, Al-Maktabah al-Bahgiyyah, Mesir, 1347H.
2. Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Vol. 8, hh.341-344, Bulaq, Mesir, 1300-1307H.
3. Ibn Rushd, *Al-Hidayah*, Cairo, 1379H., h.175; Ibn Qudamah *al-Mughni*, Vol. 9, h.464, Matba'ah al-Imam, Riyad, 1376H.; Al-Shirazi, *al-Muhazzab*, Vol. 2, h.196, Mustafa al-Babi al-Halabi, Cairo, 1379H.
4. Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Vol. 10, h.481, Matba'ah al-Jumhuriyyah, Cairo, 1392 H., h.481.
5. Al-Dardir, *al-Sharh al-Kabir*, Vol. 4, h.227, 'Isa al-Halabi, Cairo, 1319H., h.227.
6. Dasuqi, *Hashiyah*, 'Isa al-Halabi, Cairo, 1319H., h.300.
7. Al-Darami, *Sunan*, bab al-Nikah, 19, Delhi, 1377H.; Al-Tirmizi, *Sunan*, bab al-Nikah, h. 14, Matba'ah al-Amirah, Cairo, 1321H.
8. Al-Kasani, *Bada'i'*, Vol. 7, Cairo, t.t., h.245.
9. Abdullah 'Ali al-Rukban, *al-Qisas fi al-Nafs*, Mu'assasah al-Risalah, Beirut, 1980.
10. Al-Syafie, *al-Umm*, Vol. 6, Dar al-Sha'ab, Cairo, 1388 h.16; Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Vol. 12, h.400.
11. Muslim, *Sahih*, Vol. 5, Matba'ah Ali Subih, Cairo, t.t., h.184.
12. Al-Kasani, *Bada'i'*, Vol. 7, h.242, al-Syairazi, *al-Muhazzab*, Vol.2, h.183; Ibn Qudamah, *al-Syarh al-Kabir*, Vol. 9, h.388.
13. 'Asabah ialah waris terdekat yang menerima baki dari harta pesaka setelah waris-waris yang lain menerima bahagian masing-masing atau waris-waris terdekat yang berhak memilikik semua harta pesaka si mati, jika tidak ada waris yang berhak menerima bahagian.
14. Al-Bukhari, *Sahih*, ditepi *Fath al-Bari*, Vol. 12. h.205.
15. Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Vol. 8, Hyderabad, 1344-1355H., h.59.
16. Ibn Hazm, *al-Muhalla*, Vol. 2, h.242.
17. Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Vol. 9, h.353.
18. Al-Dardir, *Syarh al-Kabir*, Vol. 4, h.227; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Vol. 9, h.459.
19. Al-Baji, *al-Muntaqa*, Vol. 7, Matba'ah al-Saadah, Cairo, 1332H., h.125.
20. Al-Syirazi, *al-Muhazzab*, Vol. 2, h.188; Ibn Rushd, *al-Hidayah* Vol. 8, h.264; Malla Khasru, *Durr al-Hukkam*, Vol. 2, Matba'ah al-Rahmaniyah, Cairo, 1304H., h.92.

21. *Ibid.*
22. Al-Khattab, *Mawahib al-Jalil*, Vol. 6, Matba'ah al-Sa'adah, Cairo, 1329H., h.255; Al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Vol. 4, h.51; Ibn Rushd, *Bidayah*, Vol. 2, h.409.
23. Al-Bukhari, *Sahih*, ditepi Fath al-Bari, Vol. 2, h.205, Matba'ah al-Salafiyah, Cairo, t.t., h.205.
24. Ibn Qudamah, *al-Syarh al-Kabir*, Vol. 9, h.398; Al-Kasani, *Bada'i*, Vol. 7, h.246.
25. Al-Kasani, *Bada'i*, Vol. 7, h.243; al-Syirazi, *al-Muhadhab*, Vol. 2, h.196; Ibn Qudamah, *al-Syarh al-Kabir*, Vol. 9, h.383-384.
26. Al-Syirazi, *al-Muhazzab*, Vol. 2, h.197; Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, Vol. 9, h.395.